

## KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# TEMUJANJI PEMERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN DI PUSPAKOM

**Shah Alam, Rabu, 3 Oktober 2018** - PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) kini telah menuju ke era digital dengan memperkenalkan tempahan dan pembayaran dalam talian yang dikenali sebagai MyPUSPAKOM sejak akhir tahun lepas.

Pelanggan kini boleh membuat tempahan dan pembayaran dalam talian untuk semua pusat pemeriksaan di Semenanjung Malaysia, Kuching dan Kota Kinabalu menerusi laman web [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my) atau aplikasi mudah alih MyPUSPAKOM.

### **86,000 pengguna berdaftar dan kian meningkat**

MyPUSPAKOM kini mempunyai lebih daripada 86,000 pengguna berdaftar sejak diperkenalkan pada Ogos 2017. Sebelum wujudnya MyPUSPAKOM, pelanggan hanya boleh membuat temujanji melalui e-mel dan menerusi panggilan telefon ke pusat panggilan PUSPAKOM sahaja.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, "MyPUSPAKOM" telah dirangka dengan tujuan untuk membantu para pelanggan menguruskan masa dengan lebih baik. Ini bukan sahaja menjadikan proses temujanji serta pemeriksaan lebih mudah dan pantas, malah lebih cekap dan telus."

"Ia juga membantu mengurangkan kesesakan di pusat pemeriksaan tertentu terutamanya ketika waktu puncak dan menjelang atau selepas musim perayaan. Secara umumnya, para pelanggan perlu hadir pada waktu slot yang ditempah, 20 minit sebelum waktu temujanji. Kami komited untuk menyelesaikan pemeriksaan



dalam masa 60 minit atau sejam. Ini dapat membantu meningkatkan pengalaman pelanggan di pusat pemeriksaan kami” , tambah Mohammed Shukor.

### **Kemudahan di hujung jari anda**

Melalui MyPUSPAKOM, seseorang pelanggan bukan sahaja dapat melihat maklumat temuunjinya, malah menyemak semua maklumat kenderaannya dan juga rekod tempahan/temujanji kenderaannya dari akaun MyPUSPAKOM. Oleh itu, ia amat berguna kepada operator dan pemilik kenderaan atau organisasi yang mempunyai sejumlah kenderaan komersial yang perlu menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM.

Status setiap aktiviti pemeriksaan dari mula membuat temujanji hingga selesai pemeriksaan akan dihantar terus melalui e-mel kepada pemilik akaun MyPUSPAKOM dalam waktu sebenar. Dalam konteks ini, pemilik akaun akan dapat memantau pergerakan kenderaannya.

PUSPAKOM komited dalam membuat proses pemeriksaan kenderaan lebih mudah dan selesa untuk pelanggannya. Untuk maklumat lanjut mengenai MyPUSPAKOM, sila log masuk ke [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my) atau hubungi 1-800-22-2210.

###

### **Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan**

PUSPAKOM Sdn Bhd

03-2052 7465 / 7322



**Kapsyen:** Pelanggan MyPUSPAKOM hanya perlu mengimbas kod QR pada tablet atau terminal pengimbas sebelum ke kaunter pendaftaran

**Kapsyen:** Pelanggan boleh mendaftar atau membuat temujanji menggunakan mesin kiosk MyPUSPAKOM bagi memudahkan proses pemeriksaan